



Menjunjung Kasih Tuanku

Tatabahasa



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, senaraikan kata kerja transitif.
2. Bina ayat dalam perenggan dengan menggunakan kata kerja transitif.

Malaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Sistem beraja juga diamalkan di setiap negeri manakala negeri yang tidak beraja pula diperintah oleh Yang Dipertua Negeri.

Yang di-Pertuan Agong

Sebagai Ketua Negara, Yang di-Pertuan Agong mempunyai tanggungjawab yang sangat besar kepada rakyat dan negara. Antara tanggungjawab baginda termasuklah memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain. Baginda juga mempunyai kuasa untuk memanggil, menangguhkan dan membubarkan Parlimen. Baginda ialah Ketua Agama Islam bagi negeri beraja.

Baginda juga berperanan sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri seperti Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan. Baginda turut diperuntukkan kuasa melantik dan membatalkan lantikan jawatan menteri dan timbalan menteri.

Selain itu, baginda merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan. Baginda berkuasa untuk membuat pengisytiharan darurat. Pada 24 April 2017, Sultan Kelantan, iaitu Sultan Muhammad V, secara rasminya telah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15.

Istana Negara

Istana Negara ialah tempat bersemayam rasmi bagi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Istana ini terletak di Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur dan dibina merangkumi tiga komponen bangunan utama, iaitu Komponen Rasmi, Komponen Diraja, dan Komponen Pentadbiran.

Komponen Rasmi menempatkan balairung seri, dewan untuk majlis menghadap, dewan menunggu sebelum majlis menghadap, dewan bankuet bagi majlis santapan, Dewan Singgahsana Kecil dan Dewan Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Komponen Diraja pula merupakan tempat persemayaman diraja yang meliputi Kamar Peraduan, Kamar Persiraman, Kamar Pejabat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kamar Pejabat Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Kamar Santapan, Tempat Istirahat, serta Bilik Tetamu Diraja.

Komponen Pentadbiran menempatkan Pejabat Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Pejabat Datuk Paduka Maharaja Lela, Bahagian Urusan Diraja, Bahagian Istiadat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Agama, serta Bahagian Juruiring.

(Sumber: <http://www.istananegara.gov.my>)

5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja transitif dengan betul mengikut konteks.

153

